

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH
[JASIN]**

TARIKH : 12 NOVEMBER 2014 (RABU)

SOALAN :

Datuk Wira Haji Ahmad Bin Hamzah [Jasin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah persediaan yang telah dan akan dibuat oleh DOS untuk menyusun 'green gdp' selaras dengan usaha kerajaan untuk berganjak ke arah 'green economy' serta apakah status 'green economy' dan 'greenhouse gases' kita sekarang.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sememangnya peka dengan kepentingan *Green* GDP dalam memantau kemajuan ekonomi yang lestari. Oleh itu, Kerajaan bersama pusat pengajian tinggi dan pusat penyelidikan sedang menjalankan kajian bagi melihat kesan pembangunan ke atas alam sekitar dan penyusutan sumber asli.

Menyedari perkara ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) juga sentiasa memberi fokus menambahbaik penghasilan statistik dan indikator yang dikeluarkan bagi memenuhi keperluan tersebut. Pada masa ini, tiga kaedah digunakan bagi penyusunan Keluaran Dalam Negeri Kasar (GDP) iaitu kaedah pengeluaran, perbelanjaan dan pendapatan. Bagi mengira *Green* GDP, antara elemen yang diambilkira adalah nilai pengurangan sumber asli dan kos pencemaran yang terlibat. Justeru itu, DOSM di peringkat awal kajian bagi perkara tersebut.

Pihak DOSM juga telah menerbitkan Kompendium Perangkaan Alam Sekitar secara tahunan, sejak 1998 berdasarkan *Framework for the Development of Environment Statistics*, dengan izin, yang dikeluarkan oleh *United Nations Statistics Division* (UNSD). Laporan ini memberikan statistik alam sekitar dalam pelbagai aspek antaranya, keadaan dan impak aktiviti manusia ke atas alam sekitar, serta langkah yang diambil bagi mengurangkan impak tersebut. DOSM turut melaksanakan Penyiasatan Perbelanjaan Perlindungan Alam Sekitar secara tahunan

bermula 2009 bagi mengumpul maklumat perbelanjaan yang dikeluarkan oleh syarikat dalam usaha untuk memelihara alam sekitar.

Jabatan ini juga sedang di peringkat awal pembangunan *System of Environmental-Economic Accounting (SEEA)*, dengan izin, bagi Akaun Tenaga yang dapat membekalkan sebahagian daripada indikator untuk pengukuran *green economy*. Dalam hal ini, DOSM sedang bekerjasama dengan UNSD dan pelbagai agensi lain dalam negara bagi membina set indikator yang dimaksudkan. Terdapat tiga komponen utama bagi mengukur *green economy* iaitu komponen ekonomi, sosial dan alam sekitar. Adalah dijangkakan penyusunan indikator *green economy* ini akan dapat digunakan pada 2016.

Mengenai status gas rumah kaca atau *greenhouse gases (GHG)*, YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak telah mengumumkan hasrat Malaysia untuk mengurangkan intensiti pelepasan GHG sehingga 40 peratus menjelang 2020, semasa Persidangan Ke-15 Parti-Parti kepada Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 2009 atau COP 15 di Denmark pada 17 Disember 2009.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan melalui Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air serta agensi lain telah merangka pelbagai program bagi meningkatkan kecekapan penggunaan sumber ke arah mengurangkan intensiti pelepasan GHG ini. Antara program tersebut adalah *Feed-in Tariff (FiT)*, kecekapan tenaga, kitar semula, pemuliharaan hutan dan skim pembiayaan teknologi hijau (GTFS). Hasilnya, pada 2013, Malaysia telah berjaya mengurangkan intensiti pelepasan GHG sehingga 33 peratus iaitu sebanyak 52 juta tan *carbon dioxide equivalent (CO₂e)*. Ini telah diumumkan

oleh YAB Perdana Menteri di *United Nations Climate Summit* di New York pada September 2014.

Sekian. Terima kasih.